

KPUn: LPKP/20/656/1 Jld.1/(26)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 6 TAHUN 2004**

---

**KELONGGARAN DARIPADA SYARAT KHAS PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN UNTUK MENGGUNAKAN SKIM WARNA JALUR GEMILANG  
PADA BADAN TEKSI DAN KERETA SEWA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH : 18 JUN 2004**

**KELONGGARAN DARIPADA SYARAT KHAS PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN UNTUK MENGGUNAKAN SKIM WARNA JALUR GEMILANG  
PADA BADAN TEKSI DAN KERETA SEWA  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Semua Pemegang Lesen Teksi dan Kereta Sewa  
Semenanjung Malaysia**

**TUJUAN**

- 1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Semua Pemegang Lesen Teksi dan Kereta Sewa di Semenanjung Malaysia bahawa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah memberi kelonggaran daripada syarat khas pelesenan kenderaan perdagangan yang mensyaratkan menggunakan warna jalur gemilang ketika pengeluaran lesen baru dan ganti kenderaan kepada pilihan sama ada ingin menggunakan warna jalur gemilang atau warna teksi dan kereta sewa sedia ada yang telah diwartakan.

**LATAR BELAKANG**

2. Penggunaan warna Jalur Gemilang pada badan teksi dan Kereta sewa di Semenanjung Malaysia telah diluluskan pada Mesyuarat Lembaga Bil 1/2003 bertarikh 21 Januari 2003. Selaras dengan keputusan ini semua pengeluaran lesen baru dan ganti kenderaan bagi teksi dan kereta sewa telah disyaratkan menggunakan warna jalur gemilang. Tujuannya adalah untuk menyeragamkan warna teksi dan kereta sewa di Semenanjung Malaysia di mana masa kini terdapat berbagai warna dan juga untuk menanamkan semangat cinta tanah air.




### PERKEMBANGAN TEKINI

3. Dasar ini perlu dikemaskini semula kerana LPKP telah menerima banyak rayuan daripada Pemegang Lesen mengenai masalah yang mereka hadapi seperti berikut:
  - i. tambahan kos kepada harga kenderaan untuk mengecat warna jalur gemilang;
  - ii. tempoh masa yang lama diambil untuk mengeluarkan kenderaan warna jalur gemilang; dan
  - iii. kesulitan untuk mengecat bahagian-bahagian yang rosak apabila berlaku kemalangan.
  
4. Setelah menimbangkan perkara ini **Lembaga pada mesyuaratnya Bil 7/2004 bertarikh 17 Jun 2004 bersetuju untuk memberi kelonggaran kepada Pemegang Lesen** yang disyaratkan ketika pengeluaran lesen baru atau ganti kenderaan **menggunakan warna jalur gemilang membuat pilihan sama ada ingin menggunakan warna jalur gemilang atau menggunakan warna teksi dan kereta sewa sedia ada yang telah diwartakan.**

### KUAT KUASA

5. Selaras dengan itu Pekeliling ini **berkuatkuasa mulai pada 18 Jun 2004** dan dari segi pelaksanaan tuan boleh menghubungi pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Wilayah yang berkenaan.



( **MUSA BIN MUHAMAD** )

Setiausaha Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia.

Bertarikh : 18 Jun 2004

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia  
Parcel D, Blok D4  
Aras 1-5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

Pengurus Besar Operasi  
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn Bhd  
No 553 A-E, 3<sup>rd</sup> & 4<sup>th</sup> Floor,  
3½ Miles Jalan Ipoh  
**51200 KUALA LUMPUR**

Ketua Polis Negara  
Polis DiRaja Malaysia  
Bahagian Trafik  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Pengarah Eksekutif  
Edaran Automobil Nasional  
EON Ibu Pejabat Glemarie  
Jalan Kerjaya  
Seksyen Utara 1  
**40000 SHAH ALAM  
SELANGOR**

Semua KPSU LPKP (Wilayah)